



## **JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**RAMADAN DIRAI, PEMBAZIRAN DIHINDARI**

**Tarikh Dibaca :**

**20 SYAABAN 1440H/  
26 APRIL 2019M**

**Disediakan oleh :**

**Cawangan Khutbah Dan Latihan  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**RAMADAN DIRAI, PEMBAZIRAN DIHINDARI**

26 April 2019M/ 20 Syaaban 1440H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَصَلَ عِبَادَهُ بِنِعْمِهِ وَلَطَائِفِهِ، وَعَمَّرَ قُلُوبَهُمْ بِأَنْوَارِ الدِّينِ وَوَضَائِفِهِ،  
وَجَعَلَ الْأَوْقَاتَ مَوَاقِيتَ عِبَادَتِهِ، وَنَوَّعَ الْعِبَادَاتِ عَلَى حَسَبِ حُكْمِهِ وَحِكْمَتِهِ، أَحْمَدُهُ  
حَمْدًا يَدُومُ بِدَوَامِ جُودِهِ وَرَحْمَتِهِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَا رَادَّ لِأَمْرِهِ وَلَا مُعَقَّبَ لِإِرَادَتِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَفْضَلُ خَلْقِهِ وَأَكْرَمُ بَرِيَّتِهِ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ  
وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَجَمِيعِ صَحَابَتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَعَاتِ ذَا الْقُرْبَى حَقَّهُ وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرْ تَبْذِيرًا ﴿٢٦﴾ إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا  
إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ط وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Taqwa kepada Allah SWT adalah tuntutan yang tertinggi dalam Islam. Justeru, pada hari yang mulia ini, khatib menyeru kepada seluruh kaum muslimin supaya kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan dibangkitkan dalam kalangan orang-orang yang bertaqwa di akhirat kelak.



Bersempena dengan Majlis Pelancaran Marhaban Ya Ramadan pada 29 April 2019, mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk, **“Ramadan Dirai, Pembaziran Dihindari”**.

### **Sidang Jemaah yang berbahagia,**

Sesungguhnya, sama ada kita sedar atau tidak, masa berlalu begitu pantas meninggalkan kita. Bulan Sya'aban telah pun memasuki ke hari-hari terakhirnya. Tidak lama lagi kita akan bertemu dengan penghulu segala bulan, Ramadhan al-Mubarak. Bulan yang memiliki pelbagai kemuliaan, dijanjikan gandaan ganjaran, dilimpahi keberkatan, rahmat serta keampunan.

Ramadhan bukanlah hanya sekadar satu bulan di dalam kalendar Islam, malah ia adalah sebuah madrasah yang mampu mentarbiyah jiwa insan. Kedatangan bulan Ramadhan adalah hadiah dan nikmat yang terbesar bagi umat Islam. Manakan tidak, Bulan mulia yang akan menjelang tiba ini Allah SWT menyediakan pelbagai tawaran kepada hamba-hambanya yang beriman. Setiap detik dan saat yang berjalan tidak kira sama ada waktu pagi mahupun petang, malam ataupun siang, segala amalan yang dilakukan nilai ganjarannya akan dilipatgandakan oleh Allah Rabbul Jalil.

### **Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Sungguh ironi sekali, apabila dikatakan Ramadan sebagai bulan kita mengekang hawa nafsu dan runtunan selera, tetapi di bulan inilah pembaziran dan sikap berlebih-lebihan seolah-olah menjadi kebiasaan.

Sepatutnya Ramadan mendidik manusia bersikap bersederhana, jimat cermat dan tidak melampaui batas. Namun, sebaliknya yang berlaku apabila tiba



bulan penuh keberkatan ini, ramai berbelanja besar untuk aneka juadah berbuka puasa dan makanan melebihi bulan-bulan yang lain. Islam menolak sebarang bentuk pembaziran. Malah ia adalah suatu perbuatan yang tercela. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 26 dan 27 yang bermaksud:

*“Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing, dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros dan melampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.”*

Menurut Ibn Kathir r.h, dikaitkan amalan membazir dengan syaitan kerana keingkaran kepada nikmat yang telah diberikan Allah kepadanya serta tidak mahu mengerjakan amal ketaatan kepada-Nya, bahkan membalasnya dengan perbuatan derhaka dan melanggar perintah-Nya.

Pembaziran juga memberi kesan terhadap alam sekitar. Hakikatnya pencemaran alam sekitar berpunca daripada amalan pembaziran yang berleluasa. Makanan yang berlebihan yang tidak dimakan dibuang begitu sahaja. Di saat terdapat insan lain yang masih tidak mampu untuk bermewah dengan makanan atau tiada makanan untuk dimakan kerana kesempitan hidup, di satu pihak lain sanggup membuangnya tanpa disentuh sedikit pun.

Bersederhana dalam berbelanja amat dituntut dalam Islam dan ia hendaklah dilakukan mengikut keperluan yang secukupnya tanpa dipengaruhi hawa nafsu. Ingatlah, setiap harta yang dibelanjakan bukan setakat untuk memenuhi keperluan tetapi matlamat yang ingin dicapai ialah mendapat



keberkatan dan keredaan Allah SWT. Inilah sifat *'ibad al-Rahman* yang dinyatakan dalam firman Allah SWT menerusi surah al-Furqan, ayat 67:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

Bermaksud: *“Dan juga mereka (yang diredai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampauai batas dan tiada bakhil kedekut, dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.”*

Sebagai pengguna, kita mestilah bijak dalam menilai setiap keperluan dan keinginan. Bersederhana dalam berbelanja akan menyumbang kepada kecekapan dan kecukupan dalam memenuhi keperluan seharian. Tiada pembaziran, tiada pencemaran alam sekitar.

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Gejala pembaziran itu hakikatnya sangat luas dan sebahagian besarnya kita tidak sedari antaranya ialah pembaziran masa, ilmu, amalan, harta, hati, tubuh badan dan akal. Pembaziran masa berlaku apabila peluang beribadah dalam bulan Ramadan tidak digunakan dengan sebaiknya dengan amal ibadah dan kebaikan sehingga berlalu begitu sahaja dengan sia-sia. Pembaziran ilmu berlaku jika tidak diamalkan untuk jalan kebaikan. Pembaziran amalan berlaku jika ia dilakukan dengan hati yang tidak ikhlas kerana Allah SWT.

Pembaziran harta berlaku jika ia dibelanjakan pada perkara yang tidak bermanfaat dan tidak diredai Allah SWT. Pembaziran Hati berlaku jika ia kosong daripada perasaan kasih dan cinta kepada Allah SWT. Pembaziran tubuh badan berlaku jika tidak digunakan untuk beribadah kepada Allah SWT.



Pembaziran akal berlaku jika ia tidak digunakan untuk memikirkan sesuatu yang bermakna kepada Islam.

Justeru, marilah kita berusaha untuk menjadi seorang muslim yang sebenarnya sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi r.h daripada 'Ali bin Husain RA, Rasulullah SAW telah bersabda:

إِنَّ مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَرْءِ تَرْكُهُ مَا لَا يَنْفَعُهُ

Bermaksud: “Sesungguhnya di antara (tanda) baiknya Islam seseorang adalah dia meninggalkan sesuatu yang tidak bermanfaat baginya.”

Justeru itu, kita hendaklah sentiasa merancang dan berhemah dalam melaksanakan semua aktiviti di dalam bulan Ramadan termasuk berbelanja supaya kita tidak mensia-siakan bulan yang penuh keberkatan dan kemuliaan ini.

### **Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah:

**Pertama:** Perbuatan membazir berpunca daripada hawa nafsu yang tidak dikawal dan ia adalah perbuatan yang dicela oleh Islam.

**Kedua:** Sebagai umat Islam, kita diseru memberi tumpuan utama kepada ibadah dalam bulan Ramadan, sederhana ketika berbelanja dan mengelakkan sebarang pembaziran.

**Ketiga:** Hayati dan fahami gejala pembaziran masa, ilmu, amalan, harta, hati, tubuh badan dan akal supaya kita dapat menjadi muslim yang sebenar.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hadid, ayat 7 :



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

ءَامِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَأَنْفِقُوا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُتَخَلِفِينَ فِيهِ ۖ فَالَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَأَنْفَقُوا لَهُمْ أَجْرٌ كَبِيرٌ



Bermaksud : “Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian dari harta benda (pemberian Allah) yang dijadikannya kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian dari harta itu pada jalan Allah) mereka tetap beroleh pahala yang besar.”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِالصَّالِحِينَ وَنَاصِرِ الْمَظْلُومِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى النَّبِيِّ  
الْأَمِينِ، صَفْوَةِ الْمُرْسَلِينَ وَإِمَامِ الْمُتَّقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ، وَعَلَى التَّابِعِينَ  
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدُ الْأَمِينُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْوَاهُ، وَحَافِظُوا عَلَى صَلَاةِ الْجَمَاعَةِ، وَكُونُوا  
إِخْوَانًا مُتَحَابِّينَ فِي اللَّهِ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ، وَثَبَّتْ  
بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي مُحْكَمِ تَنْزِيلِهِ:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ : أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَارْضَ  
اللَّهُمَّ عَنِ سَائِرِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ  
بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.





اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا  
سري فدوك بكنيدا يغ دفتوان اكوغ، السلطان عبد الله رعاية الدين المصطفى بالله  
شاه ابن سلطان حاج أحمد شاه المستعين بالله.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا سري فدوك بكنيدا راج فرمايسوري اكوغ،  
تونكو (Tunku) حاهه عزيزة امينة ميمونة إسكندرية بنت المرحوم المتوكل على الله  
سلطان إسكندر الحاج.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقَضَاتِهِ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ وَحِينٍ، وَاَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ  
مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ .

اللَّهُمَّ أَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِنَا، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِنَا، وَاهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ، وَنَجِّنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى  
النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، وَبَارِكْ لَنَا فِي أَسْمَاعِنَا، وَأَبْصَارِنَا،  
وَقُلُوبِنَا، وَأَزْوَاجِنَا، وَذُرِّيَّاتِنَا، وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ، وَاجْعَلْنَا شَاكِرِينَ  
لِنِعْمِكَ، مُشِينَ بِهَا عَلَيْكَ، قَابِلِينَ لَهَا وَأَتْمَهَا عَلَيْنَا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،



إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.